

DASAR PRIVASI

Genting Simon Sdn Bhd, dan/atau gabungannya (mungkin dirujuk secara individu atau kolektif sebagai "**kami**") komited untuk melindungi privasi anda dan memastikan maklumat peribadi anda dikendalikan dengan cara yang selamat dan bertanggungjawab.

Akses anda ke mana-mana laman web dan/atau perisian aplikasi mudah alih kami ("**Pelantar**"): (i) untuk kegunaan di Johor Premium Outlets®, Genting Highlands Premium Outlets dan outlet-outlet lain yang mungkin dikendalikan oleh kami dari semasa ke semasa (secara kolektif, "**Outlet-Outlet**"); atau (ii) untuk penggunaan Perkhidmatan (seperti ditentukan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Penggunaan) tertakluk kepada Dasar Privasi ini. Dasar Privasi ini menerangkan maklumat peribadi yang kami mengumpulkan mengenai anda semasa anda menggunakan Pelantar kami dan cara-cara kami akan menggunakan maklumat tersebut, kepada siapa yang kami akan mendedahkan maklumat itu dengan dan juga cara-cara anda boleh menggunakan hak anda untuk akses, mengubah atau memadam maklumat peribadi yang anda memberikan.

Maklumat apa yang kami kumpulkan dan bagaimana kami mengumpulkannya?

Untuk menggunakan perkhidmatan tertentu yang disediakan di Pelantar atau untuk menyertai program-program promosi, anda perlu mendaftar sebagai ahli VIP di Pelantar. Semasa pendaftaran anda, kami akan mengumpulkan maklumat seperti nama, alamat surat dan e-mel anda, nombor telefon bimbit atau maklumat mengenai alat mudah alih yang anda menggunakan, dan maklumat demografi, seperti poskod, kumpulan umur dan tahap pendapatan. Jika anda memilih untuk:

- (a) mendaftar melalui Facebook atau Instagram, kami juga mungkin akan mengumpulkan maklumat anda dari Facebook atau Instagram secara langsung; atau
- (b) mengguna perkhidmatan Pembeli Peribadi kami (seperti ditentukan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Penggunaan kami), kami juga mungkin akan mengumpul maklumat anda dari WhatsApp atau sebarang perkhidmatan mesej lain secara langsung.

Semasa menggunakan Pelantar kami, kami secara automatik dapat megesan atau mengumpulkan maklumat tertentu mengenai anda untuk memberikan anda kandungan yang paling sesuai dengan pilihan dan keperluan anda. Maklumat ini mungkin merangkumi perincian akaun bank anda, perincian pembayaran, data lokasi, URL yang anda baru datang dari (sama ada URL ini dari laman web kami atau tidak), URL mana yang anda pergi seterusnya (sama ada URL ini dalam laman web kami atau tidak), penggunaan pelayar anda, alamat Protokol Internet (IP), data profil, seperti nama pengguna dan kata laluan anda, pesanan yang berkaitan dengan anda dan data yang berkaitan dengan minat dan pilihan anda dari akaun Facebook atau Instagram anda atau dari komunikasi kami melalui WhatsApp atau perkhidmatan mesej lain (jika berkenaan). Selanjutnya, jika kami menawarkan promosi yang berkaitan dengan program kesetiaan, kami juga mungkin akan mengumpulkan maklumat mengenai kealihan dan urusan anda dari pemilik, pengendali atau rakan kongsi program.

Sekiranya anda ingin menempah lawatan berkumpulan dengan menggunakan Pelantar kami, kami juga mungkin akan mengumpulkan maklumat peribadi lebih lanjut seperti nama kumpulan, penyedia bas persiaran, hotel / penginapan, tarikh tempahan, jumlah tetamu, pilihan makanan serta jangkaan waktu ketibaan anda.

Cara penggunaan / tujuan penggunaan

Kami mungkin akan menggunakan maklumat anda dengan beberapa cara, termasuk tetapi tidak terhad kepada, untuk tujuan memberikan Perkhidmatan kepada anda, termasuk memudahkan akses anda ke Pelantar, mentadbirkan akaun anda, memproses dan menyampaikan pesanan pembelian anda yang dihantar melalui Pelantar, memaklumkan status pesanan pembelian anda, memberikan sokongan pelanggan dan mengesahkan dan menjalankan transaksi pembayaran, meningkatkan pengalaman membeli-belah anda di Outlet-Outlet dan/atau di Pelantar; berkongsi bahan promosi yang berkaitan dengan Outlet-Outlet, Perkhidmatan dan/atau Pelantar kepada anda; kemasukan anda ke dalam program penebusan kami; menyediakan produk atau perkhidmatan kami yang anda

mungkin meminta; dan menjalankan penyelidikan dalaman mengenai demografi, minat, dan penggunaan laman web kami, untuk memahami dan melayani anda dengan lebih baik.

Sekiranya anda melanggan masuk, kami mungkin akan berkongsi maklumat anda dengan perniagaan yang berkaitan dengan Outlet-Outlet, Perkhidmatan dan/atau Pelantar. Mereka mungkin akan menggunakan dan menyimpan maklumat ini untuk memberi perkhidmatan kepada anda dan anda mungkin menerima maklumat produk dan perkhidmatan dari mereka, terutamanya ketika anda mengunjungi Outlet-Outlet dan / atau Pelantar. Kami juga mungkin akan menggunakan maklumat anda untuk menyampaikan maklumat kepada anda, dalam beberapa kes, disasarkan atas peminatan anda. Pada masa depan, kami mungkin akan menyediakan senarai alamat e-mel kami kepada syarikat yang disaring dengan teliti yang produknya mungkin diminati oleh anda. Sekiranya anda ingin memberhentikan perlangganan, anda boleh melakukannya dengan pemberhentian perlangganan atau pergi ke halaman 'Hubungi' dan menghantar e-mel, atau dengan menghubungi kami melalui maklumat hubungan yang disediakan di bawah. Kami tidak akan menggunakan maklumat anda untuk tujuan pemasaran langsung kecuali dengan persetujuan anda. Sekiranya anda bersetuju dengan penggunaan tersebut, kami mungkin akan memasarkan barang dan perkhidmatan di Outlet-Outlet dan / atau Pelantar secara langsung kepada anda. Komunikasi pemasaran langsung boleh dihantar kepada anda melalui pelbagai saluran, termasuk tetapi tidak terhad kepada melalui Pelantar ini, e-mel, perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), WhatsApp atau perkhidmatan mesej lain.

Semasa menyediakan perkhidmatan melalui Pelantar, kami mungkin akan berkongsi maklumat anda dengan gabungan kami, pihak ketiga yang kami percaya mempunyai reputasi baik untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang anda mungkin berminat, serta dengan penjual dan organisasi luar yang memberikan perkhidmatan sokongan kepada kami atau yang membantu kami dalam program pemasaran kami. Gabungan atau pihak ketiga tersebut mungkin berada di luar Malaysia, yang mungkin tidak akan menjamin tahap perlindungan maklumat peribadi yang sama dengan tahap yang dijamin di negara kediaman. Dengan menggunakan Pelantar ini, anda memberikan persetujuan anda kepada pemprosesan data peribadi anda mengikut Dasar Privasi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemprosesan oleh gabungan kami atau pihak ketiga yang mungkin berada di luar Malaysia.

Kami juga mungkin akan diminta untuk berkongsi maklumat peribadi anda untuk melindungi hak undang-undang, pekerja-pekerja, ejen-ejen, dan gabungan kami, untuk melindungi keselamatan pengguna Pelantar kami, untuk mengesan dan melindungi dari penipuan, atau untuk mematuhi undang-undang atau proses undang-undang yang berkenaan.

Sekiranya kami berniat untuk menggunakan maklumat peribadi untuk tujuan selain daripada yang disenaraikan di atas, kami akan mengumumkannya terlebih dahulu kepada anda, orang-orang yang berkaitan, atau kepada orang awam, termasuk tetapi tidak terhad kepada melalui penghantaran notis di Pelantar. Kami tidak akan menggunakan maklumat peribadi untuk tujuan selain daripada tujuan yang dinyatakan di atas.

Hak anda

Anda mempunyai hak untuk menyemak, mengubah atau meminta pemadaman atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi anda dengan menghubungi kami melalui maklumat hubungan yang disediakan di bawah. Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, kami mungkin akan menolak permintaan anda dan akan memberikan alasan atas penolakan tersebut.

Bagaimana kami melindungi maklumat anda?

Kami menggunakan teknologi dan usaha taraf industri untuk menjaga kerahsiaan maklumat peribadi anda. Ini termasuk server dan firewall yang selamat. Semua data pengguna Pelantar yang kami kumpulkan dilindungi daripada akses yang tidak sah. Hanya pekerja sah yang memerlukan maklumat ini untuk melaksanakan tugas tertentu akan diberikan akses ke maklumat ini.

Bagaimana dengan cookie dan suar web?

"Cookie" adalah sebahagian data yang disimpan di cakera keras atau penyemak imbas pengguna, yang mengandungi maklumat mengenai pengguna. Kami menggunakan cookie di Pelantar kami, tetapi cookie ini tidak mengandungi maklumat peribadi. Sebagai tambahan, kami mungkin akan membuat keputusan untuk menggunakan cookie di halaman tertentu di Pelantar kami. Cookie dapat membantu kami memberikan maklumat yang disasarkan atas minat anda. Cookie disimpan di cakera keras atau penyemak imbas anda, bukan di Pelantar kami. Kebanyakan cookie adalah "cookie sesi", yang bermaksud bahawa ia dihapuskan secara automatik pada akhir sesi.

Sebahagian rakan kongsi perniagaan kami juga menggunakan cookie di laman web kami, contohnya, berkaitan dengan pengikhlanaan mereka. Kami tidak mempunyai kawalan atas cookie ini, dan kami mungkin tidak akan mempunyai akses ke maklumat yang dikumpulkan oleh pengiklan ini. Anda boleh memilih untuk menolak cookie dengan menetapkan penyemak imbas anda untuk menolak semua cookie atau untuk memberitahu anda setiap kali cookie ditetapkan. Sekiranya anda memilih untuk menolak cookie, anda mungkin tidak akan dapat menggunakan semua ciri Pelantar kami.

Pelantar ini dan komunikasi yang dihasilkan dari penggunaan dan/atau pendaftaran di Pelantar ini, seperti e-mel promosi, mungkin mengandungi gambar elektronik yang dikenali sebagai "suar web". Suar web umumnya berfungsi bersama dengan cookie, dan kami mungkin akan menggunakannya dengan cara yang sama seperti dengan penggunaan cookie (lihat di atas)

Bagaimana dengan pautan ke laman web pihak ketiga?

Pelantar kami kadangkala menyediakan pautan ke laman web yang semata-mata dikendalikan oleh pihak ketiga yang tidak berada di bawah kawalan kami. Sila ambil perhatian bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap amalan privasi pihak ketiga ini. Dasar Privasi ini hanya digunakan untuk maklumat peribadi yang kami kumpulkan di Pelantar, Facebook, Instagram, WhatsApp kami atau dari cara-cara lain seperti yang ditetapkan dalam Dasar Privasi ini. Kami menggalakkan anda untuk membaca dasar privasi laman-laman web lain yang anda pautkan dari Platform kami atau melawati.

Persetujuan anda

Kecuali dinyatakan lain dalam Dasar Privasi ini, kami hanya mengumpulkan maklumat peribadi mengenai anda yang anda memberikan kepada kami secara sukarela. Sekiranya anda lebih suka bahawa kami tidak mengumpulkan maklumat peribadi tersebut daripada anda, jangan memberikan maklumat tersebut kepada kami. Sila ambil perhatian bahawa akses anda ke Pelantar dan perkhidmatan kami mungkin dihadkan sekiranya anda tidak memberikan maklumat tersebut kepada kami. Sekiranya anda berumur antara 13 hingga 18 tahun, sila dapatkan persetujuan ibu bapa / penjaga sah anda. Dengan menggunakan Pelantar kami, anda bersetuju kepada pengumpulan dan penggunaan maklumat yang dijelaskan dalam Dasar Privasi ini. Sekiranya anda berumur di bawah 13 tahun, jangan menggunakan Pelantar kami.

Opsi keluar dan pengurusan pilihan anda

Apabila anda mendaftar untuk Kelab VIP di Pelantar ini atau melalui akaun Facebook atau Instagram anda (jika berkenaan), anda akan diminta untuk bersetuju kepada pemprosesan maklumat peribadi anda mengikut Dasar Privasi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada sama ada atau tidak anda ingin menerima komunikasi pemasaran dari kami. Anda boleh mengubah pilihan anda berkenaan komunikasi pemasaran atau pilihan-pilihan lain pada bila-bila masa, dengan menghubungi kami melalui maklumat hubungan yang disediakan di bawah.

Harap maklum bahawa jika anda menarik balik persetujuan anda atas pemprosesan dan/atau pemindahan tertentu, kami mungkin tidak akan dapat menyediakan faedah perkhidmatan kami melalui Pelantar ini kepada anda. Dalam kes perkhidmatan Pembeli Peribadi kami, jika anda menarik balik persetujuan anda atas pemprosesan dan/atau pemindahan tertentu, kami mungkin tidak dapat menawarkan faedah perkhidmatan Pembeli Peribadi kami melalui WhatsApp kepada anda.

Akan Dasar Privasi kami berubah pada masa depan?

Kami sentiasa memperbaiki dan mengemaskini perkhidmatan dan Pelantar kami untuk meningkatkan pengalaman membeli-belah anda di Outlet-Outlet dan/atau Pelantar. Hasilnya, dasar-dasar kami akan terus berkembang. Semasa kami melaksanakan teknologi baru dan menyediakan perkhidmatan baru, kami akan mengemaskini Dasar Privasi kami. Kami menggalakkan anda untuk merujuk kepada halaman ini secara berterusan untuk melihat dasar dan amalan terkini kami.

Ingin berkongsi pendapat anda mengenai privasi dengan kami?

Kami menyambut komen-komen dan cadangan-cadangan anda. Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami di:

- Nombor Telefon: [07-661 8812](tel:07-6618812)
- Nombor Faks: [07- 661 8810](tel:07-6618810)
- E-mel: chriz.liew@genting.com